



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	7/12/2018

PM bimbang rasuah jadi amalan masyarakat

BH - 7/12/2018
mk: 8

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, melahirkan kebimbangan berhubung amalan rasuah yang semakin menjadi suatu perkara biasa dalam kalangan masyarakat sehingga sanggup mengetepikan kesannya terhadap bangsa dan negara.

Gejala itu yang disifatkan beliau sebagai 'memperasuahan', yang bermakna perbuatan menyemai sifat buruk dalam masyarakat sehingga menjadi sebahagian dari budayanya.

"Saya tidak tahu sama ada 'memperasuahan' adalah satu perkataan dalam Bahasa Melayu. Tetapi sama ada perkataan ini ada atau tidak, perbuatan 'memperasuahan' memang kerap dilakukan dalam masyarakat manusia.

"Masyarakat yang terima budaya ini, tidak lagi berasa segan atau malu dengan pemberian dan penerimaan rasuah, yang kadang-kadang disebut sebagai 'tumbuk rusuk' atau 'makan suap'," katanya dalam catatan terbaru di blognya chedet.cc.

Sembunyikan perbuatan

Dr Mahathir berkata, biasanya masyarakat menganggap rasuah sebagai satu amalan yang keji dan buruk, tetapi mereka yang mengamal perbuatan itu akan menyembunyi perbuatan mereka kerana sedar yang ia adalah sesuatu amalan yang salah di sisi undang-undang dan agama.

"Bagaimanapun, apabila amalan rasuah diterima masyarakat sebagai perkara biasa yang boleh diamal secara terbuka, maka tidak lagi ada perasaan segan silu apabila melakukannya, baik oleh pemberi atau penerima.

Tak peduli baik buruk, dosa pahala

"Di zaman pemerintahan yang percaya *cash is king* atau 'wang adalah raja' maka pemberian dan penerimaan rasuah menjadi satu daripada nilai hidup dan budaya, terutama dalam kalangan orang Melayu.

"Apa saja sanggup dibuat jika disogok dengan wang atau pemberian yang diminati. Soal baik buruk sesuatu yang diberi atau diarah tidak termasuk dalam pertimbangan.

"Percanggahan dengan undang-undang, bahkan berdosa dari segi agama tidak diambil kira. Yang diutamakan ialah pendapatan yang memuaskan nafsu," katanya.

Penerima utamakan nafsu

Dr Mahathir berkata, masyarakat sedia maklum bahawa sogokan dianggap sebagai perbuatan yang tidak baik dan dilarang, namun penerima tidak berfikir panjang.

"Baik, tidak baik... tetapi sogokan memuaskan nafsu dan dipercayai menguntungkan. Oleh itu terima sahajalah. Kesan buruk terhadap masyarakat adalah perkara remeh.

"Sudah tentu perasaan kebangsaan dan kesan terhadap bangsa dan negara tidak lebih utama daripada nafsu penerima rasuah," katanya.

BERNAMA